

Headline Ubati rindu peminat
MediaTitle Harian Metro
Date 01 Jun 2012
Section Rap
Page No R25
Language Malay
Journalist Norhadiani Baharom
Frequency Daily

Color Full Color
Circulation 324,097
Readership 1,981,000
ArticleSize 405 cm²
AdValue RM 14,900
PR Value RM 44,701



Ubati rindu peminat

Metro Muzik mengorak langkah mengumpulkan lagu pernah dirakamkan

» Oleh Norhadiani Baharom
norhadiani@metro.com.my

PADA 20 Januari lalu, industri muzik tempatan dikejutkan dengan kehilangan sebuah bintang apabila penyanyi insan bertukar besau, Khairul Izwan Pilus atau mema disapa Izwan Pilus. Beliau kembali ke rahmatullah akibat penyakit 'supas'.

Berita kematian Allahyarham pada usia yang masih muda iaitu 32 tahun begitu mengejutkan seluruh penggiat seni, sahabat dan peminat kerana tidak terfikir sakit tempoh yang lama.

Kini sebagai mengubat kerinduan peminat terhadap pemak vokal lantang itu, album Khairul bernama Izwan Pilus... Kembali Senyum (Memori Kenangan Izwan Pilus) diterbitkan Metro Muzik.

Jurucakap Metro Muzik, Yus berkata, album itu juga sebagai tanda penghargaan atas pemc bitan Izwan yang bekatnya diungkil melalui program Egnang RTM 2004.

"Bagi kami bakti Izwan itu ada kesannya kepada dunia seni tanah air kerana dia cukup dikenali dengan lagu Kembali Senyum dan Indah Lelapku. Selain itu, dia banyak mendapat undangan persembahan untuk menjadi pengacara di kaca TV dan pentas.

"Selain memuatkan 10 lagu yang pernah ada dalam album pertamanya, Izwan Pilus... Era Kasih yang diterbitkan pada 2006, kami juga menyelidiki empat lagu baru arwah yang pernah dirakamkan, tetapi belum sempat diedarkan.

"Lagu itu adalah Adakah Kau Akan Bembah, Pesta La La La, Panggilan Mesra dan Garsan Peminat. Ia pastinya akan menjadi kenangan abadi kepada peminat Izwan," katanya.

Sementara lagu lain dalam album itu adalah Indah Lelapku, Kembali Senyum, Malam Berdansa, Jauh Rati, Waspada Kasih, Kenopia Jari, Setia Tapi Berluka, Ku Lambai Cahaya, Kita Kawan Biasa dan Era Kasih.

Izwan yang juga abang kepada

Adi AF ketika hayatnya aktif membuat persembahan bagi program di pelbagai stesen TV dan juga konsert bergerak Gegana Harlan Metro dan Anugerah Bintang Popular Berita Harian.

Dia yang juga graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) pernah membuat persembahan bersama komposer dan pemuka Jim Brickman di Kuala Lumpur.

Izwan Pilus
Kembali Senyum

